



Jabatan Perlindungan Data Peribadi siasat dakwaan laman Misi Rakyat digodam

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Julai 14, 2023 @ 10:27am
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR : Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) sudah memulakan siasatan terhadap insiden penggodaman laman sesawang Misi Rakyat.

JPDP dalam kenyataan hari ini memaklumkan, siasatan dijalankan selepas pihaknya menerima Borang Notifikasi Ketirisan Data (DBN) daripada syarikat Bangsa Bertauhid Sdn Bhd, pemilik laman sesawang itu pada 10 Julai lalu.

Katanya, pengasas laman sesawang Misi Rakyat juga sudah dipanggil untuk hadir ke JPDP bagi prosedur rakaman percakapan semalam.

"JPDP memandang serius dakwaan insiden penggodaman laman sesawang Misi Rakyat milik syarikat Bangsa Bertauhid Sdn Bhd yang dimuat naik seorang penggodam dalam laman sesawang BreachForums dan aplikasi Telegram pada 3 dan 4 Julai lalu.

"Berikutan dakwaan itu, JPDP sudah menerima laporan insiden ketirisan data laman sesawang Misi Rakyat daripada MyCERT, CyberSecurity Malaysia (CSM) pada 4 Julai," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mengulas lanjut katanya, sebelum siasatan dibuat, JPDP juga menghubungi syarikat Bangsa Bertauhid Sdn Bhd untuk mendapatkan pengesahan berkenaan insiden dan sampel data yang terbabit.

Katanya, JPDP sudah mengarahkan syarikat berkenaan untuk menjalankan siasatan dalaman dan melengkapkan borang DBN.

"JPDP bekerjasama dengan CSM untuk menjalankan siasatan lanjut berhubung insiden ini bagi mengenal pasti sekiranya berlakunya sebarang pelanggaran di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

"JPDP menggesa semua syarikat dan organisasi yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial untuk mematuhi Prinsip, Peraturan dan Standard Perlindungan Data Peribadi di bawah Akta 709," katanya.

Justeru, katanya syarikat dan organisasi juga diingatkan agar lebih berhati-hati ketika memproses data peribadi bagi mengelak berlakunya insiden ketirisan data peribadi.